

**PERTANDINGAN PHOTOJOURNALISM  
SEMPENA SAMBUTAN HARI LANDSKAP  
NEGARA 2019 (HLN2019)**

**“OUR PARK STORIES”**



**PERTANDINGAN *PHOTOJOURNALISM*  
SEMPENA SAMBUTAN HARI LANDSKAP NEGARA 2019 (HLN2019)**

**1.0 PENDAHULUAN**

**2.0 OBJEKTIF**

**3.0 PENYERTAAN**

**4.0 TEMA PERTANDINGAN**

**5.0 KRITERIA PENGHANTARAN**

**6.0 TERMA DAN RUJUKAN**

**7.0 HADIAH PERTANDINGAN**

**8.0 PERTANYAAN**

## **PERTANDINGAN PHOTOJOURNALISM / PHOTO JOURNAL**

### **1.0 PENDAHULUAN**

- 1.1 *Photojournalism* merupakan satu bentuk gambaran atau penceritaan berkenaan sesuatu perkara, peristiwa atau situasi yang dipersembahkan melalui gambar (fotografi), lukisan dan sebagainya dan disokong oleh penerangan ringkas untuk menceritakan tentang perkara berkenaan atau perkaitan gambar tersebut dengan jurufoto.
- 1.2 Persembahan ini melibatkan penyediaan *story board* berkaitan tema, pengumpulan gambar-gambar dan kerja-kerja pengeditan untuk menghasilkan satu persembahan yang membentuk gambaran yang baru, berkenaan sesuatu perkara berkaitan dengan tema.
- 1.3 Persembahan ini bersifat penceritaan tentang sesuatu peristiwa atau situasi yang berlaku, seterusnya membentuk fakta yang berkait rapat dengan budaya/ suasana persekitaran pada masa kini dan akan datang.

### **2.0 OBJEKTIF**

- 2.1 Memperkuuhkan pemahaman tentang kepentingan taman-taman awam bagi menyampaikan konsep Malaysia Negara Taman Terindah seterusnya membuka peluang yang lebih luas untuk rakyat menghargai taman awam.
- 2.2 Menjadi pangkalan data yang boleh membentuk koleksi berhubung dengan landskap dan komuniti secara amnya; dan
- 2.3 Memupuk minat kepada orang ramai terhadap *photojournalism* dengan menjadikannya sebagai kerjaya atau profesion yang beretika.

### **3.0 PENYERTAAN**

- 3.1 Penyertaan adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia kecuali urus setia pertandingan.

### **4.0 TEMA**

- 4.1 **“Our Park Stories”** - Pertandingan ini bertujuan untuk mengajak masyarakat untuk berkongsi memori dan momen-momen indah yang mereka alami dan lalui di taman-taman di sekitar Malaysia. Memori-memori inilah yang dapat menyokong dan turut sama membantu dalam merealisasikan hasrat Jabatan dalam menjadikan Malaysia Negara Taman Terindah dan kepentingan taman awam sebagai ruang untuk riadah, rekreasi, interaksi sosial disamping menjadi tempat untuk mengamalkan gaya hidup sihat. Pertandingan ini diharap dapat merekodkan segala memori ini melalui lensa kamera.

## **5.0 KRITERIA PENGHANTARAN**

- 5.1 Semua penyertaan hendaklah dihantar dalam **POSTER *hard copy*** : SATU (1) saiz **A2 (420mm x 594mm)** ***digital PRINTED artwork*** dilekat pada ***mounting board*** bewarna **hitam** (contoh seperti di Lampiran A). Sila nyatakan **nama penuh, alamat email, nombor telefon** dan **tajuk** yang dipilih di belakang ***mounting board***.
- 5.2 ***Soft copy*** : Semua penyertaan juga hendaklah **disimpan dalam format PDF** dengan resolusi **tidak kurang dari 300dpi** atau format **Cetakan Berkualiti Tinggi** dan dihantar dalam bentuk **CD / DVD**. Sila labelkan semua penyertaan seperti berikut: "**\_topik\_no. entri.\_nama. pdf**".
- 5.3 **Setiap gambar** yang diambil perlu dihantar dalam bentuk CD/DVD untuk satu penyertaan.
- 5.4 Untuk memastikan ketulenan gambar dan tidak diciplak di mana-mana media. Sila labelkan semua penyertaan seperti berikut: "**\_topik\_no. entri.\_nama. pdf**". Semua penyertaan perlu dibuat mengikut format dan garis panduan Semua gambar mesti disertakan dengan **kenyataan foto**;
- 5.5 Penyertaan boleh disediakan dalam **orientasi potret atau landskap**;
- 5.6 Gambar-gambar boleh dihasilkan dalam **bentuk berwarna atau hitam dan putih**;
- 5.7 Penyertaan mestilah dalam **Bahasa Malaysia atau Bahasa Inggeris**.

## **6.0 TERMA DAN RUJUKAN**

- 6.1 Pertandingan ***photojournalism*** ini adalah terbuka kepada semua warganegara Malaysia kecuali urus setia pertandingan.
- 6.2 Tarikh tutup pertandingan adalah pada **13 September 2019 (Jumaat)**. Pemenang akan dihubungi melalui surat /telefon dan akan dijemput hadir di pada satu majlis yang akan diberitahu kelak.
- 6.3 Semua penyertaan sekurang-kurangnya hendaklah mempunyai empat (4) gambar dengan tidak kurang 300 patah perkataan.
- 6.4 Teknik ***cropped*** atau ***etched*** pada gambar adalah dibenarkan.
- 6.5 Gambar hendaklah diambil pada tahun 2019 di dalam negara Malaysia sahaja dan lokasi tempat bagi setiap gambar perlu dinyatakan. Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan yang dikehendaki.

- 6.6 Kesemua gambar dan penulisan yang diserahkan mestilah ASLI dan dihasilkan sendiri oleh peserta. Pengubahsuaian gambar atau sebarang penggunaan plagiat, tiruan atau diciplak adalah **TIDAK DIBENARKAN** sama sekali dan gambar tidak boleh diubah dari imej asal, dengan menyertai pertandingan ini, peserta adalah bertanggungjawab sepenuhnya dimana gambar-gambar dan penulisan cerita adalah tidak melanggar hak cipta, tanda dagangan, hak moral, hak-hak harta privasi / publisiti atau intelek mana-mana individu atau entiti dan tiada pihak lain mempunyai apa-apa hak, hakmilik, tuntutan atau kepentingan dalam gambar tersebut.
- 6.7 Peserta juga perlu bersetuju :-
- i. untuk terikat dengan peraturan rasmi penganjur;
  - ii. Keputusan hakim adalah muktamad ke atas semua perkara yang berkaitan dengan peraduan; dan
  - iii. penganjur berhak untuk menggunakan penyertaan yang berjaya seperti nama pemenang, artikel / gambar dan suara dalam sebarang publisiti atau pengiklanan yang berkaitan dengan peraduan atau promosi masa depan tanpa pampasan atau kelulusan. Penyertaan karya akan menjadi harta penganjur dan tidak akan dikembalikan.
- 6.8 Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas mana-mana penyertaan yang rosak atau hilang semasa dalam perjalanan.
- 6.9 Pihak penganjur berhak untuk membatalkan sebarang penyertaan yang tidak mematuhi terma dan syarat-syarat yang dinyatakan di atas.
- 6.10 Keputusan hakim adalah muktamad dan sebarang bentuk surat-menjurat tidak akan dilayan. Semua penyertaan mestilah diterima sebelum atau pada tarikh akhir penyertaan iaitu pada **13 September 2019 (Jumaat)**. Sila cetak borang penyertaan dari laman web JLN ([www.jln.gov.my](http://www.jln.gov.my)). Sila pastikan semua maklumat dinyatakan di ruang yang telah ditetapkan. Permohonan yang disertakan dengan borang yang tidak lengkap akan dibatalkan. Lampirkan borang penyertaan berserta CD / DVD dan dihantar ke alamat :

**Urusetia,  
Pertandingan Photojournalism Sambutan Hari Landskap Negara  
2019 (HLN2019)  
Bahagian Promosi dan Industri Landskap  
Jabatan Landskap Negara,  
Tingkat 7, Plaza Permata – IGB,  
Jalan Kampar Off Jalan Tun Razak,  
50400 Kuala Lumpur.**

## **7.0 HADIAH PERTANDINGAN :**

|                |   |                       |
|----------------|---|-----------------------|
| Tempat pertama | : | Wang tunai RM2,500.00 |
| Tempat kedua   | : | Wang tunai RM1,500.00 |
| Tempat ketiga  | : | Wang tunai RM1,000.00 |

## **8.0 PERTANYAAN**

8.1 Sebarang pertanyaan sila hubungi pegawai berikut : -

- i. Cik Shaziatul bt. Mat Kasiri sambungan no : 141
- ii. En. Zulazmi b. Mamat sambungan no : 219
- iii. En. Raja Sharul Iskandar b. Raja Aris sambungan no: 134

## LAMPIRAN A

### CONTOH FORMAT POSTER PENYERTAAN

| <b>ME AND MY PARKS STORIES</b>   |  |
|--|--|
| <p>Quas congue usu ea.<br/>Suas scripta elaboraret te nec, nec an probo<br/>perfecto occurret, vim te diam<br/>consectetuer definitiones. Vis ut equidem<br/>definitionem.</p> <p>His reque dicam ei, no latine sanctus<br/>assueverit vel, cum ut modo cetero. Aliquid<br/>corpora omittam te mea, doming explicari te<br/>sea. Vel impetus quaeque ut, est ne<br/>deseruisse accommodare.</p> <p>Ex vix timeam ancillae. Et civibus abhorreat<br/>usu, consul delectus te ius, his ut verterem<br/>signiferumque. Ea equidem dignissimi pri, ex<br/>fuisset temporibus sea. Causae moderatius<br/>his id, porro suscipit ius ne. Ex eum sale<br/>maluisset, cum ex singulis inimicus. Eros falli<br/>aeterno et qui.</p> |  |
|  |  |
|  |  |
|  |  |